

Kecekapan tadbir urus tingkatkan keuntungan

Oleh **FUAD RAMDAN**

BANDA HILIR 2 Jun - Ahli Lembaga Pengarah dan Pegawai Pengurusan Kanan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan amalan pengurusan terkini dalam mengharungi landskap ekonomi semasa agar sentiasa bersedia menghadapi perubahan tersebut.

Ketua Menteri, Datuk Seri Ir. Idris Haron berkata, aktiviti sesebuah syarikat sering ter-

dedah kepada pelbagai risiko dan aspek pengurusan risiko perlu diamalkan secara sistematik bagi mencapai matlamat korporat dan meningkatkan tahap keuntungan.

Beliau berkata, aliran tunai yang sihat dan konsisten perlu berjalan bersama keuntungan syarikat supaya syarikat berada di tahap prestasi kewangan yang mapan dan stabil.

Idris percaya dalam pengurusan wang awam, kemahiran pengurusan organisasi, akaunt-

abiliti dan integriti kewangan, tatacara kewangan, standard perakaunan kerajaan, pengurusan bajet dan penilaian program dapat ditingkatkan melalui pembelajaran dan latihan yang berterusan.

"Kepimpinan pengurusan yang konsisten diperlukan bagi mengelak masalah di samping menjimatkan kos yang akhirnya memberi kesan perkhidmatan dan perniagaan yang cepat.

"Setiap syarikat perlu

memperbaiki kelemahan dan kesilapan yang berlaku dan perancangan setiap projek perlu diuruskan secara efisien, ekonomik dan berkesan," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan *Coorporate Directors Leadership and Integrity* (CDLI) di Hotel Mahkota di sini semalam.

Kursus itu diadakan ekoran teguran laporan audit negara mengenai keputusan pihak pengurusan dan Ahli Lembaga

Pengarah yang tidak selaras dengan peraturan, dasar dan objektif yang ditetapkan kerajaan serta kelemahan tadbir urus dalam syarikat berkaitan kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan badan-badan berkanun.

Hadir sama, isteri Idris, Datin Seri Fadilah Abdullah; Pengarah Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Datuk Mazlan Yusoff dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mohd Zin Mansor.



MAZLAN menyampaikan cenderamata kepada Idris selepas Majlis Perasmian CDLI di Hotel Mahkota, kelmarin.



SEBAHAGIAN kakitangan pengurusan yang hadir pada program berkenaan.